

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) menghargai pengorbanan kakitangan yang bekerja sempena Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini apabila menyerahkan sumbangan Syawal kepada mereka.

Sumbangan itu disampaikan oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak kepada lebih 70 kakitangan yang terpaksa bertugas ketika orang lain menyambut Syawal bersama keluarga masing-masing.

Dr Mohamed Mustafa dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang bertugas demi menjaga amanah dan keselamatan universiti ketika kakitangan lain bercuti.

Katanya, ini merupakan tugas penting kerana aset universiti perlu dilindungi terutama pergerakan keluar masuk dalam kawasan universiti.

"Kita bimbang jika berlaku sesuatu yang tidak diingini seperti kebakaran, sabotaj dan kejadian jenayah kalau aspek keselamatan ini tidak diambil kira.

"Oleh itu, tugas dan tanggungjawab kakitangan terutama keselamatan amat penting untuk memastikan kawasan universiti tidak terdedah dengan anasir-anasir berkenaan," katanya.

Beliau juga meminta kakitangan yang bertugas memberi pertolongan kepada pensyarah dan pelajar antarabangsa yang masih tinggal di kawasan universiti kerana banyak kemudahan sudah ditutup terutama pada hari raya pertama.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my